

TARIKH	5 / 9 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	16	RUANGAN	Setempat

# Rujuk dulu TH

Jemaah diingot semak status syarikat tawar pakej haji

**K**UALA LUMPUR: Ketika musim haji ini, mereka yang mahu mengerjakan rukun Islam kelima diminta supaya terlebih dahulu merujuk Lembaga Tabung Haji (TH) mengenai syarikat atau individu yang dilantikannya bagi menawarkan pakej haji.

Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif TH, Datuk Ismee Ismail berkata, ini berikutan sejak akhir-akhir ini banyak berlaku kes penipuan dilakukan pihak yang tidak dilantik TH.

"Sindiket penipuan ini sangat licik dengan antara lain menawarkan pakej haji lebih murah berbanding yang ditetapkan TH serta peluang mendapat giliran menunaikan haji lebih cepat," katanya pada pemberita pada majlis

**"Sindiket penipuan ini menawarkan pakej haji lebih murah berbanding TH serta peluang mendapat giliran menunaikan haji lebih cepat"**

>Datuk Ismee Ismail



meraikan Sahabat Korporat TH dan sambutan Aidilfitri di sini, semalam.

Turut hadir, Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Jamil Khir Baharom.

Ismee berkata, bakal haji boleh menghubungi pusat

panggilan TH di talian 03-62071919 untuk maklumat lanjut mengenai syarikat atau individu yang mendakwa pengelola jemaah haji.

Tahun ini, 38 syarikat menjadi rakan Sahabat Korporat TH antaranya ialah Telekom

Malaysia Bhd, Yayasan Felda, Chemical Company of Malaysia Bhd dengan nilai sumbangan melebihi RM11.5 juta.

Barangan disumbangkan syarikat berkenaan merangkumi wang, set penjagaan diri, multivitamin, beg sandang, sim kad prabayar dan pelbagai lagi kegunaan jemaah haji.

Jamil Khir dalam ucapannya berkata, TH mengekalkan bayaran haji RM9,980 dan menanggung kos haji sebanyak RM5,000 untuk setiap jemaah haji tahun ini.

"TH sentiasa menyediakan perkhidmatan terbaik kepada jemaah haji termasuk menyediakan tempat penginapan yang berdekatan Masjidil Haram di Makkah walaupun kos pengurusan haji semakin meningkat setiap tahun," katanya.- Bernama